

ISU-ISU DAN CABARAN PENGAJIAN HADIS DI MALAYSIA

ISSUES AND CHALLENGES OF HADITH STUDIES IN MALAYSIA

Nurul Nabilla Binti Samsudin¹
Wan Nor Fitrah Binti Wan Nor²
Nur Afiqah Binti Ahmad Fadzil³
Maisarah Saidin⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), (Email: nurulnabilla102@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), (Email: Wannorfitrah@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), (Email: nurafiqahahmadfadzil@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), (Email: maisarah@usim.edu.my)

Article history

Received date : 7-8-2023
Revised date : 8-8-2023
Accepted date : 25-9-2023
Published date : 15-10-2023

To cite this document:

Samsudin, N. N., Wan Nor, W. N. F., Ahmad Fadzil, N. A., & Saidin, M. (2023). Isu-isu dan cabaran pengajian hadis di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6 (11), 62 - 73.

Abstrak: Hadis merupakan sumber hukum kedua selepas al-Qur'an. Pengajian hadis amat penting bagi mewujudkan kefahaman masyarakat terhadap bidang ilmu hadis dan memastikan pemeliharaan khazanah kitab-kitab hadis secara berterusan. Daurah hadis merupakan salah satu medium penyampaian dakwah yang penting kepada masyarakat. Kajian terdahulu menunjukkan terdapat beberapa isu-isu dan cabaran yang berlaku semasa proses pembelajaran daurah hadis di pelbagai institusi. Meskipun pengajian hadis telah wujud sejak zaman Rasulullah namun segelintir isu perlu dipandang serius dan dititikberatkan seperti pentauliahannya dari Majlis Agama, tahap penerimaan masyarakat dalam pengajian daurah hadis, cabaran yang dihadapi oleh institusi pondok, pusat-pusat tahfiz, surau dan masjid serta peranan dan pengaruh media tentang daurah di dalam masyarakat. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti sejarah kewujudan pengajian daurah hadis, menganalisa beberapa kelebihan dan kekurangan yang ada dalam pengajian daurah hadis, serta mengkaji isu-isu dan cabaran yang terdapat sepanjang pengajian hadis dilaksanakan di Malaysia. Kajian ini menggunakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah dokumen analisis yang mengumpulkan dokumentasi daripada kajian-kajian lepas serta menganalisis isu-isu tersebut melalui media sosial seperti artikel, laporan akhbar Malaysia dan lain-lain yang berkaitan isu-isu kontroversi di Malaysia. Hasil dapatan kajian menunjukkan dan mendapati terdapat segelintir penceramah agama yang masih diragui ketauliahannya untuk mengajar pengajian hadis walaupun telah menyebarkan ilmunya ke serata tempat. Kesimpulannya, Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Negeri perlu mengkaji semula kelayakan setiap penceramah bagi mengelakkan kekeliruan kepada masyarakat agar akidah mereka tidak terpesong disamping terus beramal mengikut ajaran Islam bertepatan dengan pegangan ahli sunnah wal jamaah dari segi Akhlak, Syariah dan Aqidah.

Kata Kunci: Ilmu Isu-Isu, Cabaran, Daurah Hadis Tajwid, Pembelajaran Dalam Talian, Cabaran, Teknologi

Abstract: *Hadith is the second source of law after the Qur'an. The study of hadith is very important to create public understanding of the field of hadith science and to ensure the continuous preservation of the treasures of hadith books. Daurah hadith is one of the mediums of preaching important to the community. Previous studies have shown that there are several issues and challenges that occur during the process of learning hadith in various institutions. Although the study of hadith has existed since the time of the Prophet, a few issues need to be taken seriously and emphasized such as accreditation from the Religious Council, the level of community acceptance in the study of daurah hadith, the challenges faced by lodge institutions, tahfiz centers, suraus and mosques as well as the role and influence of the media about the cycle in society. Therefore, this study will identify the history of the study of hadith daurah, analyze some of the advantages and disadvantages in the study of hadith daurah, as well as examine the issues and challenges that exist throughout the study of hadith conducted in Malaysia. This study uses a qualitative study by using the document analysis method that gathers documentation from past studies and analyzes the issues through social media such as articles, Malaysian newspaper reports and others related to controversial issues in Malaysia. The results of the study showed and found that there are a few religious speakers who are still doubted about their authority to teach hadith studies even though they have spread their knowledge all over the place. In conclusion, the Department of Islamic Religion and the State Religious Council need to review the qualifications of each speaker to avoid confusion to the public so that their beliefs are not distorted as well as continue to practice according to Islamic teachings that coincide with the beliefs of the Sunnah wal jamaah in terms of Ethics, Sharia and Aqidah.*

Keywords: *Issues, Challenges, Daurah Hadith*

Pengenalan

Daurah hadis merupakan satu majlis mempelajari, meneliti dan memahami suatu hadis yang telah lama wujud dari zaman nabi lagi. Oleh kerana pada awal zaman penurunan al-Quran dan hadis, Rasulullah melarang sahabat-sahabat dari menulis hadis kerana bimbang bercampur dengan ayat al-Quran. Maka Rasulullah mengambil jalan alternatif untuk menyebarkan suruhan Allah itu dengan mengadakan majlis al-'ilm. Adapun daurah hadis telah melalui beberapa proses perkembangan, namun terdapat pelbagai pendapat mengenai perkembangan tersebut. Kepelbagaian itu bukanlah suatu perselisihan pendapat yang membawa kepada persengketaan. Perbezaan pendapat mengenai perkembangan daurah hadis adalah dari sudut hukum hakam yang tepat.

Selain itu, isu- isu dan cabaran hadis di Malaysia muncul oleh kerana perselisihan tentang kefahaman daurah hadis oleh masyarakat. Hal ini bukan sahaja muncul pada abad ini malah dari zaman nabi Muhammad SAW lagi dimana penyebaran hadis berleluasa. Pihak berwajib perlu mengambil langkah untuk menangani isu-isu dan cabaran yang terdapat di Malaysia. Antara isu dan cabaran yang harus diatasi antaranya ialah penyebaran hadis berstatus rendah sehingga hadis palsu, penceramah yang tidak mempunyai pentauliyahan dan penyelewengan kefahaman hadis untuk kepentingan peribadi.

Objektif

Setiap penyelidikan yang dijalankan perlu mempunyai objektif yang jelas. Ia penting bagi menghasilkan kajian yang terbaik dan memenuhi matlamat sebenar kajian. Kajian ini dilakukan untuk mencapai beberapa objektif dibawah:

1. Untuk mengenal pasti sejarah kewujudan pengajian daurah hadis,
2. Untuk menganalisa beberapa kelebihan dan kekurangan yang ada dalam pengajian daurah hadis,
3. Untuk mengkaji isu-isu dan cabaran yang terdapat sepanjang pengajian hadis yang dilaksanakan di Malaysia.

Persoalan Kajian

Antara persoalan yang timbul dari pernyataan kajian tersebut adalah:

1. Bagaimana sejarah kewujudan pengajian daurah hadis?
2. Apakah kelebihan dan kekurangan yang wujud dalam pengajian daurah hadis?
3. Apakah isu-isu dan cabaran yang terdapat sepanjang pengajian hadis yang diadakan di Malaysia?

Metodologi Kajian

Kaedah yang digunakan dalam kajian adalah penting dalam menentukan cara yang sesuai untuk mendapatkan maklumat serta menapis sebelum maklumat disusun secara sistematik bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian. Pengkaji menggunakan kajian kualitatif dengan kaedah dokumen analisis yang mengumpulkan dokumentasi daripada kajian-kajian lepas serta menganalisis isu-isu kontroversi di Malaysia melalui media sosial seperti artikel, laporan akhbar Malaysia.

Dapatan Kajian

Hasil dapatan menunjukkan bahawa daurah hadis ini telah wujud sejak zaman Rasulullah lagi dan diteruskan usaha sama hingga kini. Seterusnya kami berjaya mendapatkan beberapa kelebihan dan kekurangan yang ada dalam pengajian daurah hadis dan akhir sekali mengeluarkan isu-isu dan cabaran yang terdapat dalam pengajian hadis yang dilaksanakan di Malaysia.

Konsep Pengenalan

Definisi Daurah

Pengertian linguistik atau etimologi daurah ialah mengelilingi, tempat atau kejadian. Manakala pengertian daurah dari segi peristiwa yang dilakukan untuk mengkaji dan membincangkan sesuatu masalah dari sudut ilmu. Daurah juga merupakan salah satu cara umat Islam untuk menambah ilmu agama dan menyebarkannya kepada orang lain. Antara perkara yang wajib dilakukan oleh umat Islam ialah menuntut ilmu (Rahman, 2013).

Menuntut ilmu merupakan tuntutan hukum bagi umat Islam dalam kehidupan seharian. Orang Islam yang menuntut ilmu akan mendapat pahala dari Allah, sedangkan orang Islam yang tidak mahu menuntut ilmu akan berdosa. Menuntut ilmu amat penting kerana ia membolehkan seseorang itu memupuk ilmu yang amat berguna dalam kehidupan. Ilmu adalah salah satu faktor yang boleh membawa kepada kejayaan sama ada di dunia dan akhirat.

Definisi Hadis

Hadis adalah sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW berupa perkataan, perbuatan, pernyataan. Menurut istilah ahli hadis ialah segala ucapan nabi, segala perbuatan dan segala keadaannya. Manakala dari segi pengertian pula, segala yang diriwayatkan dalam buku sejarah seperti hal keputraannya, tempat tinggalnya dan segala yang bertalian darah dengannya (Omar, 1995).

Pengertian ini samalah dengan pengertian sunnah menurut istilah golongan ahli hadis. Tetapi pengertian ini berlainan dengan pengertian ahli usul dan sebab berlainan ini ialah kerana berlainan jurusan yang mereka lihat dan mereka tinjau. Ahli (ulama') hadis membahaskan peribadi rasul sebagai seorang yang dijadikan ikutan bagi umatnya. Disebabkan ini, mereka pindahkan dan mereka terangkan segala yang bersangkutan dengan rasul, baik mengenai riwayat, perjalanannya, mengenai budi pekertinya, keutamaannya, keistimewaannya, tutur katanya, perbuatan-perbuatannya; sama ada yang dapat mewujudkan hukum atau tidak (Gufron, 2020).

Ulama' terdahulu membahaskan rasul sebagai seorang pengatur undang-undang yang meletakkan atau menciptakan dasar-dasar ijihad bagi para muftahid sesudahnya, dan menerangkan kepada manusia tentang perlembagaan hidup (*dustur al-hayat*) maka mereka pun memperhatikan segala tutur kata rasul, perbuatan-perbuatannya dan takrirnya, iaitu pengakuan-pengakuannya berkaitan dengan perkara penetapan hukum. Sementara itu ulama' fiqh membahaskan peribadi rasul sebagai seorang yang seluruh perkataannya atau perbuatannya atau menunjukkan kepada suatu hukum syarak. Mereka membahaskan hukum-hukum yang mengenai para mukallaf dan perbuatan mereka dari segi hukum wajib, haram, harus, makruh dan sunat (Omar, 1995).

Sejarah Penubuhan Daurah Hadis di Malaysia

Pembelajaran subjek agama pada zaman tradisional tidak disambut dengan baik dan terpinggir. Akan tetapi pengajian al-Quran, fikah, tauhid dan tasawwuf dianggap lebih penting meskipun kedudukan hadis sebagai sumber rujukan kedua Islam selepas al-Quran. Tidak dapat disangkal bahawa pengajian hadis melalui beberapa zaman perkembangan dari zaman Rasulullah SAW kepada zaman sahabat, zaman tabi'in, zaman pembukuan hadis dan zaman pengkajian hadis sehinggalah kepada pengajian daurah hadis yang wujud sekarang.

Institusi tradisional di Malaysia dikembangkan dari wilayah pantai timur dan utara Tanah Melayu iaitu Terengganu, Kelantan, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Pengajian hadis di institusi pondok menyebarkan ilmu tentang pengajian Islam lain yang secara tidak langsung menyumbang kepada perkembangan pengajian hadis sehingga hari ini. Maka pengajian hadis dikembangkan lagi di Malaysia melalui pengajian di pondok, masjid dan surau.

Isu dan Cabaran Daurah Hadis di Malaysia

Daurah hadis telah berkembang pesat di seluruh tanah air dan mendapat pelbagai reaksi daripada masyarakat. Antara reaksi yang timbul adalah seperti berikut:

Penyebaran Hadis Berstatus Rendah Sehingga Hadis Palsu

Penyebaran hadis daif dan palsu berlaku pada masa ini atas beberapa sebab. Kes ini tentunya berbeza sedikit dengan punca-punca hadis ini muncul pada zaman dahulu. Masih wujudnya penyebaran hadis palsu disebabkan oleh penceramah yang berpegang dengan fahaman *Syiah*, *Rafidhah*, *Khawarij*, *Qadariyyah*, *Murji'ah*, *Jahmiyyah* dan sebagainya. Perkara ini menyumbang kepada kekeliruan kepada masyarakat yang sedang mendalami, memahami, mempelajari dan beramal dengan ilmu hadis.

Didapati hadis-hadis palsu banyak tersebar dalam masyarakat melalui penerbitan buku-buku, informasi dari media sosial melalui penulisan sebahagian penulis yang masih menggunakan dalil-dalil tanpa dinyatakan sumber dan hukum hadis tersebut. Situasi ini menyumbang kepada penyebaran hadis palsu dalam masyarakat. Sikap mengambil mudah dengan menerima semua

hadis yang diketahui dan mengamalkannya tanpa meneliti dan mengambil pandangan ulama-ulama hadis terhadap statusnya adalah antara faktor kepada pengamalan hadis-hadis fadilat yang berstatus *da'if jiddan* (sangat lemah), *mawḍū'* (palsu) dan *la aṣl lah* (tiada asal baginya).

Tenaga Pengajar Tidak Bertauliah

Dalam meniti arus kemodenan ini, masyarakat Islam telah dikejutkan dengan pelbagai berita melibatkan salah laku dalam kalangan penceramah khususnya kegiatan pengajian daurah hadis yang mana sekaligus mencalarakan imej Islam. Seorang tenaga pengajar atau penceramah adalah cerminan bagi setiap ilmu yang disampaikan. Dia mewakili setiap misi dan visi dalam bidang keilmuan yang dipelopori, misinya boleh disama-ertikan sebagai contoh seorang diplomat yang mewakili negaranya ke sebuah negara asing. Kebiasaannya seorang diplomat terlebih dahulu akan diberi khursus tentang etika-etika tertentu yang dikehendaki untuk diamalkan di negara tersebut. Etika-etika ini meliputi cara berpakaian, makan minum, penampilan diri, cara pengurusan pentadbiran, cara penyampaian dan lain-lain lagi, begitu juga seorang mubaligh Kristian yang diberi kursus terlebih dahulu sebelum ditauliahkan menjadi seorang mubaligh.

Tetapi amat mendukacitakan apabila kita mendapati keadaan ini amat berbeza berhubung dengan pengurusan dakwah dalam agama Islam kini. Dapat kita lihat dengan jelas, medan ini dimasuki oleh pendakwah 'tangkap muat' yang melaksanakan tugas dakwah seperti pengajian hadis secara semberono tanpa dibekalkan dengan syarat-syarat, kaedah penyampaian dan metodologi yang profesional. Penceramah seharusnya mempunyai perwatakan yang menetapi ciri-ciri sebagai pendakwah yang boleh dipercayai dan menjadi contoh ikutan.

Isu penceramah agama telah hangat dibincangkan dalam kalangan masyarakat yang mempersoalkan tentang kelayakan segelintir 'pendakwah' kerana dilihat amat terbuka membincangkan soal agama khususnya melibatkan hukum-hukum agama, tanpa mempunyai latar belakang akademik bidang agama yang '*reliable*' dan meyakinkan. Sebilangan penceramah tidak bertauliah yang berceramah atau mengajar agama Islam di masjid, surau atau di tempat awam lain boleh menimbulkan kekeliruan dan menimbulkan permulaan kepada perpecahan masyarakat, khususnya umat Islam. Malah, apa yang lebih berbahaya ialah fahaman yang boleh membawa kepada keganasan dan mengancam keselamatan rakyat.

Penyelewengan Kefahaman Hadis Untuk Kepentingan Peribadi

Mereka yang kurang jelas dan arif tentang hadis seringkali menggunakannya dan menyeleweng maksud sebenar hadis dengan mengambil kesempatan untuk kepentingan peribadi. Golongan anti hadis merupakan salah satu agenda musuh Islam yang menyerang secara dalaman. Mereka memutarbelitkan fakta-fakta daripada al-Quran menggunakan logik akal untuk menentang Islam.

Selain itu, sikap segelintir pendakwah yang menyebarkan hadis tanpa sebarang saranan untuk disemak dan diteliti dengan baik. Sememangnya ada dalam kalangan mereka yang berniat baik untuk menyampaikan ilmu kepada orang ramai. Tetapi harus diingat bahawa niat yang ikhlas sahaja tidak cukup untuk menyampaikan ilmu. Niat ini hendaklah disertakan dengan usaha pembacaan dan perbincangan yang jitu bagi memastikan kedudukan hadis yang ingin disampaikannya bagi mengelakkan dari menyebarkan hadis yang berstatus rendah dan hadis palsu.

Dalam pada itu, sikap orang yang terlalu menyanjung pendakwah. Kebanyakan masyarakat kita sentiasa keliru antara menghormati penceramah dan menyembah mereka. Kita dituntut oleh

Islam supaya menghormati orang yang berilmu. Tetapi ini tidak bermakna kita meletakkan mereka pada tahap yang terlalu tinggi seolah-olah mereka tidak pernah melakukan kesilapan. Seperti kata Malik: "Setiap manusia diambil pendapatnya dan ditolak (berdasarkan kebenaran) kecuali Rasulullah SAW". Hanya Rasulullah SAW kita wajib menerima segala sabdanya. Bagi manusia lain, kita wajar menerima atau menolak pendapat mereka berdasarkan kajian.

Terdapat juga mereka yang terlalu fanatik kepada individu yang lebih layak menjadi pemimpin iaitu dari sudut politik. Disebabkan sikap obses itu, ada golongan yang memalsukan hadis untuk pemimpin mereka. Perbuatan ini merangkumi semua kumpulan khususnya *Syi'ah*, *Nasibah* dan Sunnah yang jahil. Tidak kurang juga sikap di kalangan penuntut hadis yang ingin dikenali lalu mereka mencipta hadis yang gharib dari sudut sanad dan matannya supaya dikenali dengan lebih ilmu dan banyak lagi.

Kelebihan dan kekurangan yang ada dalam pengajian daurah hadis.

Tak sedikit manusia pandai menilai sesuatu, tapi susah mencari kelemahan atau kekurangan diri sendiri. Bahkan banyak pula yang merasa lebih baik dibandingkan yang lainnya. Faktanya, setiap perkara itu dianugerahi kelebihan dan kekuatan. Tapi semua perkara yang berlaku pasti memiliki kekurangan yang mungkin saja belum disadari.

Mengetahui dan mengakui kelebihan dan kekurangan sesuatu itu adalah kunci kepada lebih banyak jalan kejayaan dan kemajuan. Kekurangan dan kelemahan justeru tidak boleh dijadikan sebagai bahan alasan untuk tidak mengatasinya. Menyerah dengan mudah dan merasa sudah tidak mampu menjalani masalah. Ilmu itu pelita hati, manusia yang berilmu hatinya akan tenang dan hidupnya tenteram.

Jadilah kita seperti jauhari juga yang mengenal manikam, yang membawa maksud orang yang bijaksana sahaja yang dapat menilai dan mengetahui kelebihan dan kekurangan akan sesuatu. Terdapat pelbagai kelebihan dan kekurangan yang dapat dikenal pasti sepanjang proses kajian ini antaranya ialah:

Kelebihan Pengajian Daurah Hadis

Dapat Melahirkan Masyarakat Yang Berpengetahuan Dalam Bidang Hadis

Era milenium menghadirkan pelbagai cabaran yang bersifat menyeluruh yang merentasi sempadan lokasi serta peradaban manusia. Negara menghadapi cabaran baru kesan daripada globalisasi, impak liberalisme, sekularisme dan pelbagai ideologi yang tentunya banyak percanggahan dengan apa yang disampaikan dan diajarkan oleh agama Islam, tidak kurang juga akan perkembangan pesat dalam bidang sains dan teknologi.

Oleh itu bidang pendidikan memerlukan suatu perubahan dan anjakan paradigma serta satu transformasi dan sesuai dengan perubahan semasa tanpa melanggar batas yang telah digariskan dalam agama Islam. Pendidikan dalam era milenium perlu bercirikan unsur global dan pada masa yang sama tanpa meninggalkan agama dibelakang.

Pendidikan perlu mampu melahirkan warganegara Malaysia yang berpengetahuan dalam bidang agama yang mana berupaya untuk merancang masa depan mereka, mampu menghadapi cabaran baru, berupaya membuat pilihan dengan masa depan mereka, berupaya membuat pilihan dengan bijak, tepat dan sesuai dengan cabaran semasa yang akan dihadapi. Sehubungan

itu pendidikan perlu dikaitkan dengan senario semasa dan masa hadapan yang dapat dilihat daripada aliran pembangunan dan kemajuan teknologi semasa khususnya dalam bidang pengajian Hadis.

Oleh sebab itu, pentingnya untuk memaksimumkan hasil dapatan daripada pengajian daurah hadis dalam usaha untuk mewujudkan golongan yang berpengetahuan tinggi dan seterusnya mempunyai sifat disiplin ilmu yang tinggi dalam melestarikan kehidupan kepada lebih baik berpaksikan apa yang dituntut oleh agama. Pengajian daurah hadis merupakan suatu proses mendidik insan untuk memperoleh keilmuan sehingga dapat mengubah tingkah laku seseorang mengikut tingkah laku dan amalan yang dikehendaki (Ismail & Mohamad Sani, 2021).

Pengajian daurah hadis dapat mengembangkan potensi seseorang individu itu ke arah membina akhlak, budi pekerti dan keperibadian yang mulia serta keimanan pada agama. Pengajian daurah Hadis juga dapat membangunkan aspek sosial seseorang iaitu sumbangan kepada keluarga, masyarakat dan negara. Dengan erti kata lain pengajian daurah Hadis adalah berfungsi untuk pembangunan insan yang berpengetahuan luas dan seterusnya membawa kepada pembangunan negara dan peradaban yang lebih baik.

Dapat Mengeratkan Ukhuwah Antara Masyarakat Yang Menyertai Pengajian Daurah Hadis

Penyertaan dalam pengajian daurah hadis dapat memberi banyak manfaat. Antaranya ialah dapat membuat rakan baru yang meminati bidang ilmu yang sama. Dengan adanya rakan yang boleh berkongsi minat yang sama dapat mengeratkan lagi tali persahabatan sesama insan. Sesungguhnya Allah amat mengasihani hambanya yang berkasih sayang di jalanNya. Sabda Nabi SAW:

المُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا

“Mukmin dengan mukmin yang lain umpama sebuah bangunan, sebahagian mengukuhkan sebahagian lain.” (Hadis riwayat Muslim no. 2585)

Hadis ini memberi perumpamaan keadaan seorang Mukmin yang membantu Mukmin lain laksana bangunan yang teguh saling lengkap melengkapi untuk memastikan kekuatan sesebuah bangunan itu terus terpelihara. Begitu juga, ia diibaratkan sebagai persahabatan sesama umat Islam yang mesti dijaga demi mengeratkan perpaduan umat Islam.

Hadis ini mengajak kita menggunakan kaedah penyampaian yang berkesan dalam pendidikan dan dakwah. Ini bagi memudahkan penyampaian dan pemahaman serta meraikan kadar pemikiran masyarakat. Teknologi moden pula boleh digunakan sebagai alat bantu. Pokok isi hadis ini mengiktiraf hak seorang Muslim serta menjelaskan kepentingan ukhwa dan bantu-membantu antara satu sama lain. Itulah nilai kerjasama hidup secara berjamaah. Ini tentunya meraikan hidup manusia yang secara fitrah tidak boleh berseorangan, sebaliknya memerlukan orang lain sebagai komunikasi sosial dan berkongsi hidup di dunia. Bantuan dalam perkara kebaikan mendapat pahala dan begitulah sebaliknya.

Seperti sedia maklum program pengajian daurah hadis banyak memberi kebaikan dan sentiasa membicarakan tentang kepentingan nilai murni serta sentiasa mengajak untuk menjaga silaturahim kerana hubungan baik sesama manusia membawa rahmat dan rahmat daripada Allah SWT. Walaupun secara fizikal manusia akan kembali menemui Allah SWT semata-mata,

seorang mukmin tetap bergantung kepada doa saudara seislam agar mendapat tempat yang baik di akhirat. Islam mendidik umatnya supaya berkasih sayang antara satu sama lain kerana persaudaraanlah yang akan mengeratkan hubungan ukhuwah umat Islam.

Membantu Menyebarkan Hadis Dan Sunnah Kepada Masyarakat Dengan Lebih Efisien

Perkembangan pengajian Islam di Malaysia menyaksikan pertumbuhan dan perkembangan pengajian berteraskan kitab-kitab agama khususnya kitab-kitab hadis. Bermula dengan pengajian dari rumah seterusnya di pondok-pondok secara tradisional sehingga kewujudan pengajian daurah hadis yang mana lebih dekat dengan masyarakat iaitu di masjid-masjid sekitar tidak kira waktu siang dan malam. Yang mana pengajian daurah hadis ini seringkali menekankan aspek pengajian secara talaqqi kitab sebagai metod utama dalam pengajian. Metod *talaqqi* kitab tidak hanya dilakukan dalam pengajian daurah hadis malah di peringkat universiti juga melaksana sistem tersebut.

Penggunaan platform media secara yang lebih ampuh dan mapan dapat memberi impak yang lebih positif dan berkesan dalam mengajarkan dan mendistribusikan hadis yang sahih, betul serta baik untuk diamalkan. Pengajian daurah hadis dijalankan secara formal tapi dalam masa yang sama direkod dan dirakam secara langsung setiap isi kandungan pembelajaran yang diajarkan supaya masyarakat dapat mengaksesnya di serata lokasi hanya dengan menggunakan telefon pintar dan sebagainya dalam konteks menjimatkan masa dan memaksimumkan kemudahan teknologi yang ada secara menyeluruh.

Sedar tak sedar, kita seharusnya memanfaatkan sebaik mungkin segala kemudahan yang wujud kini. Ini kerana agama hendak sampai kepada kita tersangatlah payah dan sukar. Rasulullah utusan Tuhan menyampaikan agama dengan begitu susah, air mata yang mengalir, banyak pertumpahan darah dan jiwa yang terkorban demi tanggungjawab dan kemaslahatan umat tercinta. Pelbagai mehnah, ujian dan cabaran yang perlu ditempuh untuk melaksanakan perintah Tuhan semesta alam.

Pengajian daurah hadis adalah suatu proses dan metod yang paling lama dan efisien untuk mendalami ilmu hadis secara lebih mendalam. Ini kerana, pada zaman Nabi dahulu tiada sistem perekodan, media mahupun teknologi yang canggih. Pun begitu, sikap para penuntut ilmu dari dahulu perlu dipuji, mana kan tidak jika bukan dengan usaha mereka yang jitu dalam meneruskan risalah Nabi SAW sebagai suatu usaha murni yang patut dicontohi dan diteladani. Mereka pada zaman dahulu mendalami agama secara sembunyi dan tertutup terhadap kepada ahli keluarga dan para sahabat sahaja. Dengan adanya daurah pada masa kini dapat membantu dan menyebarkan pelbagai cabang keilmuan khususnya ilmu hadis.

Kekurangan Pengajian Daurah Hadis:

Susah Untuk Menarik Minat Golongan Muda

Kebanyakan peserta daurah hadis adalah golongan 30-an ke atas. Tidak ramai dari golongan remaja yang menyertai program sebegini. Bagi remaja, program ilmuwan sebegini hanyalah untuk golongan yang sudah pencen sahaja yang perlu mengisi masa mereka dengan majlis agama setelah golongan ini telah bertungkus lumus bekerja untuk mencari harta pada zaman muda mereka kepada anak-anak.

Pemikiran yang dipegang oleh golongan muda ini adalah tidak benar sama sekali kerana setiap program agama tidak hanyalah khusus kepada golongan atau peringkat umur tertentu sahaja. Dek kerana golongan muda ini kurang didedahkan dengan kehadiran diri mereka dalam daurah hadis sejak kecil, mereka merasa tidak perlu bagi mereka untuk terus menghadirkan diri ke majlis ilmu.

Tidak dapat disangkal bahawa ibubapa juga memainkan peranan mereka dalam memupuk semangat dalam diri anak-anak untuk menghadirkan diri ke majlis pengajian hadis. Sebagai contoh, ibubapa juga boleh mengambil langkah dengan membawa anak-anak sebagai peneman sebagai cara untuk memperkenalkan mereka akan ilmu pengajian hadis.

Susah Untuk Mencapai Tahap Pemahaman Yang Memuaskan

Untuk mencapai tahap pemahaman yang unggul agak susah kerana sesetengah tajuk atau topik yang dibincangkan agak berat, tidak menarik dan mengambil masa yang begitu lama dalam menyampaikan huraian dan konteks, walaupun begitu daurah sememangnya sinonim dengan huraian yang panjang dan mendalam serta isinya yang sangat terperinci dan memerlukan penjelasan yang agak lama.

Pendekatan yang digunakan oleh guru agama masih menggunakan kaedah tradisional dan tidak kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana kekurangan maklumat inovasi pengajaran terkini serta kurang penekanan terhadap aspek penglibatan pelajar. Masalah ini seterusnya akan memberi impak kepada prestasi pembelajaran pelajar yang mana menyebabkan objektif pengajaran tidak mencapai sasaran. Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan hendaklah mempunyai teknik dan strategi yang tersusun, objektif yang tepat dan boleh dicapai serta jelas matlamat yang hendak dicapai yang mana diperlukan dalam semua bidang pelajaran agama mahupun akademik. Di samping itu, bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran ia melibatkan tiga komponen penting iaitu pendekatan, kaedah dan teknik yang mana saling berkait di antara satu sama lain. Maka, guru harus mengetahui serta dapat membezakan di antara kaedah, strategi dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran supaya kaedah yang sesuai dapat diaplikasi semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Penggunaan kaedah yang baik dapat membantu pelajar memperolehi ilmu pengetahuan, kemahiran mengubah tingkah laku dan mempraktikkan amalan dan nilai yang diinginkan. Terdapat pelbagai kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran, namun tidak semua kaedah sesuai dengan tujuan pendidikan dan semua mata pelajaran. Guru hendaklah memilih kaedah yang sesuai dengan tahap perkembangan dan kecenderungan pelajar. Hal ini seiring dengan guru hendaklah menyampaikan pelajaran mengikut kadar kefahaman dan tahap akal pemikiran pelajar.

Oleh itu, pusat pengajian yang menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran hadis haruslah berlangsung dalam bentuknya yang asal seperti yang digariskan oleh ulama hadis. Kaedah pengajaran yang diaplikasikan adalah berpandukan kepada kaedah tradisi pembelajaran hadis iaitu kaedah talaqi dan mushafahah untuk mengekalkan tradisi pembelajaran ulama turath. Pengajaran dan pembelajaran hadis dalam bentuk yang asal serta sukatan yang digunakan mengikut kaedah turath memberikan implikasi yang baik. Pengajaran dan pembelajaran hadis dalam bentuk asal wajar diamalkan malah tidak dinafikan kejayaannya dalam melahirkan golongan terpelajar. Walau bagaimanapun, kenyataan ini tidak menolak kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk yang moden.

Kesimpulan

Kesimpulannya, hadis merupakan ilmu yang paling wajib dipelajari selepas al-Qur'an. Ini kerana hadis adalah suatu bidang ilmu yang menjadi penjelasan dan penerang maksud bagi ayat-ayat al-Qur'an. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab ahli-ahli ilmu yang berkeahlian dan mempunyai kepakaran di dalam bidang hadis untuk menyebarkan kebenaran dalam kalangan masyarakat Islam agar amalan-amalan mereka adalah selari dengan kebenaran dan bersumberkan hadis-hadis yang dapat dipastikan sumber dan statusnya.

Antara usaha-usaha yang boleh dilakukan ialah: Mengajak dan menyebarkan kepada orang ramai berkaitan hadis-hadis yang sahih berserta terjemahannya kerana rata-rata masyarakat ramai yang buta hadis disebabkan buku dan kitab yang berkait kebanyakan adalah di dalam bahasa Arab, menyebarkan kepada orang ramai risalah mengenai hadis-hadis palsu dan betapa ia memberi ancaman kepada iman dan Islam, dengan mengadakan majlis-majlis penerangan dan menyampaikannya di dalam teks khutbah-khutbah Jumaat mengenai keburukan-keburukan hadis lemah dan palsu dari masa ke masa.

Selain itu, usaha untuk mengadakan kursus-kursus kepada guru-guru agama, imam-imam, pendakwah mengenai selok-belok hadis dengan memberi penekanan khusus kepada hadis-hadis lemah, palsu dan seumpama dengannya perlu dilipat-ganda dan dipergiatkan. Seterusnya, perlu juga pastikan kandungan teks khutbah Jumaat yang dibacakan pada setiap hari Jumaat oleh para khatib atau imam adalah bebas daripada hadis-hadis yang palsu dan tersangat lemah. Haruslah juga pastikan buku-buku atau kitab-kitab yang dibuat rujukan dan sumber pembelajaran di sekolah-sekolah, pondok-pondok, masjid-masjid, surau-surau dan sebagainya itu adalah bersih daripada hadis-hadis palsu dan tersangat lemah. Akhir sekali, pihak kerajaan perlu mainkan peranan penting dengan mewujudkan enakmen undang-undang yang menghukum golongan yang menyebarkan hadis-hadis palsu sama ada penyampaian secara lisan ataupun bertulis.

Kesimpulannya, Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Negeri perlu mengkaji semula kelayakan setiap penceramah bagi mengelakkan kekeliruan kepada masyarakat yang dapat memesongkan akidah supaya terus beramal mengikut ajaran Islam bertepatan dengan pegangan ahli sunnah wal jamaah dari segi Akhlak, Syariah dan Aqidah. Diharap usaha-usaha ini dapat membantu menangani isu-isu dan cabaran dalam pengajian daurah hadis.

Rujukan

Rujukan Buku

Abdullah, A. R. H. (1997). *Pemikiran Islam di Malaysia: sejarah dan aliran*. Gema Insani.

Drs. Fatchur R. (2013). *Ikhtisar Mushthalahul Hadits*. Al Maarif.

Rujukan Laman Sesawang

Mohd Senin, M. S., & Ahmad Shah, F. (2018). Hadis-hadis Masyhur Berkaitan *Al-Faḍā'il*: Kajian Kefahaman dan Pengamalannya dalam Kalangan Guru-guru Pendidikan Islam di Pasir Gudang, Johor. *Jurnal Usuluddin*, 46(2), 27–66. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol46no2.2>

Temrin, M. M. I., & M. A. (2017). Persepsi Guru Terhadap Pembelajaran Ilmu Hadis di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Sarawak, Malaysia. *Al-Banjari : Jurnal Ilmiah Ilmu-Ilmu Keislaman*, 16(1), 113. <https://doi.org/10.18592/al-banjari.v16i1.1277>

- Abdullah, W. H., Abdul Rahim, M. M., & Borham, A. H. (2018). Amalan Penggunaan Metode Syarah Al-Hadis Dalam Pengajian Hadis Di Institusi Masjid Di Daerah Muallim Negeri Perak. *Sains Humanika*, 10(3-4). <https://doi.org/10.11113/sh.v10n3-4.1531>
- Radhi, M. (n.d.). Integration of Usuluddin Knowledge in Religious Education at the Mosque. *SAINS ISLAM MALAYSIA Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* *الثقافة الإسلامية والإنسانية* Retrieved December 25, 2022, from. 144–128), 1(23, مجلة <https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/16894/1/Integrasi%20Ilmu%20Usuluddin%20dalam%20Pengajian%20Agama%20di%20Masjid.pdf>
- Isa, & Najah Nadiyah Amran. (2017). Pengajian Hadis di Masjid Malaysia. *Fikiran Masyarakat*, 5(1), 14–20. <http://www.kemalapublisher.com/index.php/fm/article/view/238>
- Bakar, A., Sahlawati, et al. *ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Penerbit FPPI, 2021, p. 147, fppi.kuis.edu.my/images/buku/isu-isu-kontemporari-dalam-pengajian-al-quran-dan-al-sunnah-2021.pdf.
- Abdul, A., Abdulloh, H., Shumsuddin, S., Walid, Y., Said, M., Haque, M., & Aris, H. (n.d.). ISU-ISU SALAH FAHAM HADIS DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke*, 5(2020). http://conference.kuis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak2020/051_ID154_Isu-Isu_Salah_Faham_Hadis_Di_Malaysia_Satu_Tinjauan.pdf
- Johari, M. (2016). *PENGAJIAN HADIS DI MASJID DAN SURAU: ANALISIS TERHADAP TAHAP KEFAHAMAN HADIS (the Learning of Hadis at Mosques and Madrasahs: An Analysis on the Level of Understanding of Hadis)*. 2016.
- Ariffin O. (1995). Sunnah Sebagai Bayan Kepada Al-Quran. Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak, M., Tibek, S. R., Ghani, Z. A., Idrus, M. M., Abdullah, H., Nor, A. H. M., Saad, N. S. M., Darmi, R., Sulaiman Mohamed, A., Gunardi, S., Ja'afar, N., Ismail, N. A., & Ismail, H. (2019). Isu dan Cabaran Pendidikan Pondok dari Lensa Pegawai Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(31), 384-393.
- Abdul Hadi, N., Sabry, N., Rushaidi, R. H., Norul Affendi, N. S., & Wan Chik, W. (n.d.). Peranan Masjid Dan Surau Dalam Pelancongan Islam di Kuala Terengganu. <https://tatiuc.edu.my/assets/files/ICTM19-Papers/ICTM-80.pdf>
- Usman, A., H., Rosni, W., Nasir, N., Sudi, S., Ismail, Z., Salleh, Abdul, A. (2020). Golongan Anti Hadis: Isu Dan Cabaran. Research Gate, https://www.researchgate.net/publication/340514236_Golongan_Anti_Hadis_Isu_Dan_Cabaran
- Wazir, R., & Zubir, A. (n.d.). Dakwah Media Sosial Berdasarkan al-Quran Dan al-Sunnah. Retrieved December 25, 2022, from https://www.researchgate.net/profile/Rosni-Wazir/publication/340501506_Dakwah_Media_Sosial_Mengikut_Pandangan_Al-Quran_Dan_Al-Sunnah/links/5e8d47d44585150839c79251/Dakwah-Media-Sosial-Mengikut-Pandangan-Al-Quran-Dan-Al-Sunnah.pdf
- Affandi Bin Abdul Rahim, & Kuisas, U. (2017, February 1). *Realiti Dan Cabaran Sunnah Nabi saw*. Academia.edu. https://www.academia.edu/18459160/Realiti_dan_Cabaran_Sunnah_Nabi_SAW
- Ahmad, A., & Mohd Azmi, M. (2020). Pemikiran Rapuh Joseph Schacht Terhadap Kritikan Hadis: Tumpuan Terhadap Isu Tadwin Al-Hadis. <https://ejournal.kuipsas.edu.my/index.php/qwefqwefq/article/view/21/13>
- Jaafar, M. (2016, November 05). Cabaran media Baru sebagai medium Pembelajaran Agama Dan Penyelesaiannya dari Perspektif Islam.

https://www.academia.edu/29687036/CABARAN_MEDIA_BARU_SEBAGAI_MEDIUM_PEMBELAJARAN_AGAMA_DAN_PENYELESAIANNYA_DARI_PERSPEKTIF_ISLAM

Gufron, S. (2020, December 1). pengertian hadis tematik dan sejarah pertumbuhannya. <https://doi.org/10.31219/osf.io/2tpnj>

Ismail, A., & Mohamad Sani, M. S. A. (2021). THE ROLE AND CONTRIBUTION OF PONDOK BAITUL QURRO' TOWARDS THE PROSELYTIZATION OF ISLAM \ IN MELAKA. Jurnal Maw'izah Jilid, 4(2021), 61-74. <https://kuim.edu.my/journal/index.php/JMAW/article/download/929/742>